

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU, 4 OGOS 2021

1	Pasaran arnab pedaging berpotensi tinggi
2	Lebur RM3,230 ditipu beli 2 kucing
3	Penternak rugi, lebih 100 anak ayam mati terbakar
4	Family goest the estra mile for diabetic feline pet
5	Duped of RM 3,230 in bid to buy cats online
6	Kasih pada si bulus -pantang tegok kucing sakit

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



Seorang penternak dan peniaga arnab, Ismail Jusoh, 56, menunjukkan dua arnab induk jantan dan betina yang ditanam di Kampung Lambor, Wakaf Bharu, Tumpat.

Pasaran arnab pedaging berpotensi tinggi



Arnab pedaging baka New Zealand White bernilai RM 35 sekilogram yang hidup dengan berat sekitar sekilogram hingga 1.6 kilogram setiap ekor.



Ismail (depan tengah) menunjukkan karkas daging arnab beku yang dijual RM28 sekilogram kepada Che Abdullah (kiri) ketika timbalan menteri itu melawat ladang ternakannya baru-baru ini.

Pusingan pembiakan singkat, kos operasi rendah namun pulangan lumayan

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

TUMPAT

Industri ternakan arnab pedaging mula mendapat tempat dalam pasaran mutakhir ini kerana dilihat berpotensi tinggi dalam memberi pulangan lumayan kepada peniaga berbanding kos pengoperasian yang rendah.

Antara baka popular yang menjadi pilihan penternak adalah arnab pedaging jenis New Zealand White yang berharga

sekitar RM35 per kilogram (kg) setiap yang hidup dengan berat karkas antara sekilogram sehingga 1.6kg.

Seorang penternak dan peniaga arnab, Ismail Jusoh, 56, mengusahakan projek ternakan arnab pedaging di Kampung Lambor, Wakaf Bharu, di sini bermula 15 September 2019.

Katanya, sebanyak RM50,000 nilai pelaburan modal permulaan digunakan bagi membeli induk betina yang setiap ekor berharga RM70 manakala seekor induk jantan berharga RM150.

"Pertama ada sebanyak 29 ekor arnab betina dan tiga arnab jantan untuk tujuan pembiakan.

"Dua bulan kemudian, ditambah 10 ekor arnab betina serta enam arnab jantan menerusi Persatuan Penternak Arnab Kelantan (Petak)," katanya ketika

ditemui di Kampung Lambor, Wakaf Bharu di sini.

Menurutnya, pusingan pembiakan arnab mengambil masa singkat dengan jumlah kelahiran antara tujuh ekor sehingga 11 ekor setiap kali pembiakan.

"Kini sudah ada 160 ekor arnab berserta 200kg daging arnab beku yang bersedia untuk dijual ke peminat arnab dan pemakan daging arnab selain menasaskan kapasiti sehingga 350 ternakan arnab pada masa depan.

"Pemasaran arnab juga dilakukan menerusi Petak, Persatuan Penternak Arnab Pedaging (APEK) selain kedai makan serta pemborong di dalam dan luar Kelantan," katanya.

Ismail dan penternak lain turut berdepan cabaran getir da-

lam memasarkan hasil ternakan sewaktu pandemik Covid-19 kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga menjejaskan pendapatan yang biasa diraih antara RM8,000 hingga RM10,000 setahun.

"Kesemua ternakan memerlukan dedak 18kg yang berharga RM52 bagi 25kg dan kos itu sentiasa meningkat dari semasa ke semasa.

"Sebolehnya harga karkas arnab RM28 sekilogram dinaikkan ke RM32 sekilogram bagi memberi pulangan penjualan yang lebih lumayan," katanya.

Tambahnya, kerjasama baik dijalinan antara penternak dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Kementerian

Pertanian dan Industri Asas Makanan (MAFI) menerusi lawatan Timbalan Menteri II MAFI, Datuk Che Abdullah May Nawi yang meninjau ke tapak projek ternakan pada Ahad.

"Pihak jabatan menerusi Skim Agropreneur Muda turut membantu penternak berpotensi dengan penyediaan kelengkapan penternakan, infrastruktur dan bekalan makanan bagi menampung permintaan tinggi pasaran daging arnab.

"Penternak digalakkan menyertai kursus asas penternakan arnab bagi meningkatkan kemahiran dan merencanakan industri pemasaran daging arnab," katanya.



Tapak projek ternakan arnab pedaging di Kampung Lambor, Wakaf Bharu, Tumpat yang mampu menampung kapasiti sehingga 350 arnab.



Che Abdullah (kiri) melihat arnab pedaging baka New Zealand White yang ditanam dan dijual oleh Ismail.

Lebur RM3,230 ditipu beli 2 kucing

Kuantan: Pekerja swasta membuat laporan polis mendakwa diperdayakan dalam pembelian dua kucing menerusi laman sosial Instagram hingga kerugian RM3,230 kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, wanita berusia 24 tahun itu mendakwa bayaran dibuat bagi membeli kucing baka *British Shorthair* dan *British Longhair* masing-masing diiklankan pada harga RM290 dan RM240.

"Mangsa mendakwa menghantar pesanan menerusi aplikasi WhatsApp pada iklan di laman itu dan berurusan dengan seorang lelaki sebelum memindahkan wang secara dalam talian ke akaun bank diberikan empat kali berjumlah RM3,230 dikatakan sebagai bayaran kucing dan proses dokumentasi.

"Bagaimanapun, sus-

pek dikatakan terus meminta wang atas pelbagai alasan termasuk bagi mendapatkan sijil kelahiran kucing menyebabkan mangsa curiga. Mangsa mendakwa enggan meneruskan pembelian dan meminta wangnya dikembalikan semula," katanya.

Menurutnya, mangsa mendakwa suspek berkeras tidak mahu memulangkan wang itu menyebabkan dia membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan kelmarin dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Sementara itu, Mohd Wazir berkata, seorang guru wanita berusia 27 tahun dari Cameron Highlands mendakwa dirinya kerugian RM30,000 akibat diperdayakan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LDHN) dan anggota polis.

Penternak rugi, lebih 100 anak ayam mati terbakar



5. Kalidas menunjukkan kawasan reban ayam miliknya yang musnah dalam kejadian kebakaran di Kampung Pasir Tengah, Rantau, Seremban, semalam. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

SEREMBAN: Seorang penternak kerugian apabila lebih 100 ekor anak ayam baru menetas mati dalam kebakaran kandang dan reban di Kampung Pasir Tengah, Rantau petang kelmarin.

S. Kalidas, 38 berkata, ketika kejadian dia berada di pekan Rantau untuk menjual susu lembu sebelum isterinya menghubungi dan memaklumkan reban ayam di belakang rumah terbakar.

"Saya pulang ke rumah dan pihak bomba tiba untuk memadamkan kebakaran. Saya tidak sempat menyelamatkan lebih 100 ekor anak ayam baru menetas. Turut terkorban dua ekor anjing peliharaan dan seekor anah.

"Bagaimanapun, saya bernasib baik, sebanyak 20 ekor

lembu sempat keluar dari kandang yang terletak bersebelahan, bomba juga sempat memadamkan kebakaran daripada merebak ke kandang, jika tidak, mungkin kerugian saya lebih besar," katanya ketika ditemui pemberita semalam.

Menurut Kalidas, dia sudah 20 tahun memternak ayam, lembu dan kambing di belakang rumahnya itu.

"Saya mengambil alih menjaga ternakan melalui bapa sejak empat tahun lalu dan menjual ternakan dalam kalangan penduduk setempat.


"Sepatunya saya mahu menjual 100 ekor anak ayam berkenaan hari ini namun semua sudah mati," katanya.

4.8.2021

NEWS STRAITS
TIMES

NEWS

14



Zaleha Abdul Rahman keeping Belang calm during a visit to the vet. PIC COURTESY OF AMIZA AMIRUDDIN

Family goes the extra mile for diabetic feline pet

REDZUAN MUHARAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

CAT lovers Amiruddin Jamaluddin and Zaleha Abdul Rahman refuse to give up on their cat named Belang that had been diagnosed with chronic diabetes milletus three years ago. Instead, they have dedicated their time to administering insulin shots for the feline at least twice a day.

Belang, a 15-year-old cat, had been in their care since it was a kitten and the couple's children Amiza, 42, Idzwan, 36, and Azira, 32, as well as their maid had been helping them to look after the sick cat and three other cats, including one named Jimmy which suffered from kidney stones.

Amiza, who is from Taman Tasik Titiwangsa, said Belang was an active cat and loved to eat.

She said things changed when the cat fell sick, and now Belang can barely walk as both its hind legs had become paralysed. However, its appetite was still good.

"Belang's health turned for the worse when I was abroad and my father told me that Belang suddenly could barely move

before the cat was diagnosed with diabetes milletus.

"I was surprised to learn that cats can suffer from such an illness and my parents were determined to save Belang. After spending 10 days at the veterinary clinic, Belang felt much better," she said, adding that Belang's health was being monitored by a veterinarian.

She said Belang was calm each time her father gave him the insulin shot.

"I think Belang knows the insulin will make him healthy."

On Belang's video going viral on TikTok, Amiza said she did not expect it to garner so much attention.

"I mostly shared Belang's stories on Facebook and am not that active on TikTok, but someone has put it on that platform.

"Since then, Belang has caught the interest of many people, especially cat lovers. It is touching to know that so many people are praying for Belang's health to improve.

"I wish to thank all of Belang's well-wishers. My family and I hope Belang will continue to be around, but we are ready for any eventuality."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4.8.2021	NEWS STRAITS TIMES	NEWS	14

Duped of RM3,230 in bid to buy cats online

KUANTAN: A woman lodged a report on Monday claiming that she lost RM3,230 in an online purchase for two cats through Instagram.

Pahang Commercial Crime Investigation Department head Superintendent Mohd Wazir Mohd Yusof said the 24-year-old woman claimed that she had paid the amount for the delivery of the two cats, a British Shorthair and a British Longhair, which were advertised for RM290 and RM240, respectively.

"The victim claimed to have sent a message to a WhatsApp number that was pro-

vided and dealt with a man before transferring the money online to a bank account in four transactions, amounting to RM3,230, which included the fee for the documentation process.

"However, she became suspicious after the man continued to ask for more money, citing various reasons, including to obtain the birth certificates of the felines, and told him that she wanted to cancel the purchase and for her money to be returned. She lodged a report after the man refused to return her money," he said in a statement yesterday. **Bernama**



KUBELA

KASIH PADA SI BULUS

Pencinta kucing jaga haiwan terbiar dengan rapi termasuk beri makan, divaksinasi

FOKUS

Oleh Hidayatidayu Razali
rencana@hmetro.com.my

Simpati melihat kucing jalanan terbiar mendorong ibu kepada tiga anak untuk memelihara haiwan itu di rumahnya

di Kampung Seri Cemerlang, Kota Bharu, Kelantan.

Wanita terabit, Zalina Dollah, 52, juga sanggup memungut kucing jalanan untuk dijaga dengan rapi termasuk memberi makan dan divaksinasi.

Sehingga kini lebih 100 kucing dijaga Zalina sebelum diberi kepada

orang ramai yang mahu menjaga haiwan berkenaan.

Zalina berkata, sebenarnya bukan mudah untuk memberi haiwan kesayangannya kepada orang lain kerana dirinya sukar berpisah dengan haiwan itu.

Kata Zalina, dia memelihara kucing sejak

lebih 30 tahun akan memberi syarat kepada penjaga baharu supaya menjaga haiwan yang diberinya dengan baik.


Dia mengakui syarat itu penting kerana dia tidak mahu haiwan kesayangan diseksa atau jatuh sakit disebabkan tidak dijaga dengan baik.

"Pada awalnya, saya memelihara haiwan ini kerana bersimpati melihat kucing jalanan yang terbiar tanpa dijaga. Saya mula mengutip kucing jalanan untuk dipelihara termasuk diberi makan dan divaksin.

> 34



ZALINA (kanan) dan anaknya, Nor Farah.



TIDAK kisah berhabis wang ringgit untuk kucing jalanan yang dibela.

Kucing juga macam kita, ada hati dan perasaan. Jika kita membelainya, haiwan itu akan menjadi rapat dengan kita

ZALINA

DARI MUKA 33

"Jika dahulu lebih 20 kucing yang saya pelihara, namun kini hanya tinggal 14 ekor dalam jagaan selepas saya menyerahkan kepada beberapa individu yang berminat untuk memelihara haiwan itu.

"Namun, jika terjumpa kucing terbiar berdekatan rumah, saya akan membawa balik untuk dijaga kerana seluruh ahli keluarga termasuk suami dan tiga anak juga menyayangi haiwan ini. "Kami anggap semua kucing itu sebagai ahli keluarga kerana keletahannya yang manis dan menghiburkan hati," katanya di rumahnya.

Menurut Zalina, untuk memastikan kucing itu selesa, dia membeli beberapa sangkar yang diletakkan di dalam dan luar rumah.

Katanya, sangkar itu diletakkan di garaj kereta dan satu ruang dalam rumah untuk memastikan dia sekeluarga mudah menguruskan haiwan berkenaan.

"Perkara ini dilakukan bagi memudahkan saya dan keluarga untuk mencuci sangkar kucing sekerap yang mungkin bagi memastikan persekitarannya bersih seterusnya memberi kesesuaian kepada kami.

"Sebagai pemilik kucing, saya perlu rajin terutama membersihkan najis haiwan itu setiap hari, sekali gus dapat menjaga kebersihan rumah," katanya.

PANTANG LIHAT KUCING SAKIT

Zalina sekeluarga tak kisah terpaksa belanja kos tinggi demi rawatan si bulus



SEBAHAGIAN daripada kucing yang dipelihara Zalina di rumahnya.



KUCING yang dipelihara diletakkan dalam sangkar.

Jelasnya, walaupun pada asalnya kucing terbiar itu liar, namun dia mengajar haiwan itu supaya berdisiplin termasuk membuang air besar dalam pasir khas dan di tandas. "Semua kucing yang dijaga, saya akan ajar mereka untuk berdisiplin kerana haiwan itu mudah diajar dan mendengar kata.

"Kucing juga macam kita, ada hati dan perasaan. Jika kita membelainya, haiwan itu akan menjadi rapat dengan kita," katanya.

Suri rumah itu berkata, dia menghabiskan lebih RMS00 sebulan untuk membeli makanan kucing dan membawa haiwan itu ke klinik untuk rawatan.

Katanya, dia sanggup berhabis wang untuk memastikan semua kucing kesayangannya sihat dan dapat menjalani hidup sempurna.

"Saya pantang tengok kucing sakit kerana akan terus membawa mereka untuk mendapatkan rawatan. Saya sekeluarga tidak kisah walaupun

terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi.

"Semua kucing saya sayang, namun kucing yang diberi nama Tori yang berusia lebih setahun paling kami sayangi kerana sifatnya yang sangat manja," katanya.

Zalina berkata, dia bersedukur kerana suami, Zulkifli Che Kob, 56, dan tiga anaknya juga menyayangi kucing.

Katanya, anak sulungnya, Mohd Faris Zulkifli, 28, pernah beberapa kali membawa balik kucing terbiar dengan meletakkan haiwan itu dalam beg sekolah.

"Anak saya pantang tengok kucing terbiar di tepi jalan kerana dia akan membawa balik untuk dijaga oleh kami.

"Disebabkan terlalu sayangkan kucing, kami sanggup tidur bersama kucing pada sebelah malam," katanya yang berharap orang ramai tidak membuang kucing di jalanan kerana ia terdedah kepada bahaya.